

1982

ALOR SETAR, 22 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYERU RAKYAT BERUSAHA MENDAPATKAN KEKAYAAN BUKAN ATAS SIFAT TAMAK, TETAPI SEMATA-MATA UNTUK MENJALANI KEHIDUPAN YANG SEMPURNA.

UNTUK ORANG-ORANG ISLAM PULA, KEKAYAAN DI DUNIA AKAN DAPAT MENGUKUHKAN LAGI PEGANGAN MEREKA KEPADA AGAMA DENGAN MEMENUHI RUKUN ISLAM YANG KELIMA IAITU MENUNAIKAN FARDHU HAJI.

+ RAKYAT, TERUTAMANYA UMAT ISLAM, PERLULAH BERUSAHA Mencari KEKAYAAN DI DUNIA TANPA MENGABAIKAN KEHENDAK-KEHENDAK AGAMA MEREKA, + KATANYA SEMASA BERUCAP KEPADA PENDUDUK-PENDUDUK PADANG SERA, 35 KM DARI SINI, DALAM SATU MAJLIS KESYUKURAN ATAS KEMENANGAN CALON-CALON BARISAN NASIONAL DI KUBANG PASU DALAM PILIHANRAYA UMUM LALU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR SENDIRI TELAH MEMENANGI KERUSI PARLIMEN KUBANG PASU SEMENTARA DUA KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI DI SITU JUGA DIMENANGI OLEH CALON-CALON BARISAN NASIONAL.

PERDANA MENTERI BERKATA CARA YANG BAIK BAGI RAKYAT MENAMBAHKAN PENDAPATAN MEREKA IALAH MENERUSI KEGIATAN PERUSAHAAN KECIL SERTA PERNIAGAAN. -- BERSAMBUNG 1945/LK

B637:

PM-USAHA 2 ALOR SETAR

BAGI TUJUAN TERSEBUT, KERAJAAN AKAN MEMBANTU DARI SEGI LATIHAN DAN BIMBINGAN SEMENTARA USAHA SEBENAR MESTILAH DATANG DARI RAKYAT SENDIRI.

BELIAU MENINGATKAN BAHAWA UNTUK BERJAYA DALAM BIDANG PERNIAGAAN ATAU PERUSAHAAN BUKANLAH SATU PERKARA MUDAH KERANA IA MEMERLUKAN PENGALAMAN DAN KEUPAYAAN MENGURUS YANG BAIK.

KERAJAAN, KATANYA TIDAK DAPAT MEMBERI NIKMAT SEPENUHNYA KEPADA RAKYAT SEKIRANYA MEREKA SENDIRI TIDAK BERUSAHA MENDAPATKANNYA.

+ PENDEK KATA, KERAJAAN TIDAK BERUPAYA MEMENUHKAN KOCEK SESEORANG ITU DENGAN WANG, + JELASNYA.

MENGENAI PILIHANRAYA YANG LALU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP SEGALA SALAH FAHAM POLITIK DAPAT DIKETEPIKAN DAN SEBALIKNYA RAKYAT PERLU BEKERJASAMA UNTUK MENJALANI HIDUP SEHARIAN.

-- BERSAMBUNG 1948/LK

B638:

PM-USAHA 3 ALOR SETAR

SEBAGAI CONTOH, PERDANA MENTERI MENYEBUT BAHAWA ORANG-ORANG ISLAM YANG BERLAINAN FAHAMAN POLITIK TIDAK SEHARUSNYA MEMULAUKAN APA JUA UPACARA ANJURAN MANA-MANA SATU GOLONGAN.

+ SEBAGAI UMAT ISLAM, TANGGUNGJAWAB KITA ADALAH UNTUK BERIBADAT MENGIKUT AJARAN ISLAM DAN TIDAK MENURUT KEHENDAK ATAU KEMAHUAN PARTI, + KATANYA.

DALAM SATU MAJLIS YANG SAMA DI KODIANG, KIRA-KIRA 10 KM DARI PADANG SERA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEMENANGAN BESAR BARISAN NASIONAL DALAM PILIHANRAYA UMUM LALU ADALAH KERANA RAKYAT MAHUKAN WAKIL-WAKIL RAKYAT YANG BOLEH BEKERJA.

+ ITULAH SEBABNYA BARISAN NASIONAL TELAH MELETAKKAN CALON-CALONNYA YANG MEMANG BOLEH BEKERJA SEPERTI DIKEHENDAKI OLEH RAKYAT, + TEGASNYA.

BELIAU BERHARAP KERJASAMA CALON-CALON DAN PENYOKONG-PENYOKONG SEPERTI DALAM PILIHANRAYA LALU DAPAT DITERUSKAN UNTUK KEBAIKAN RAKYAT. -- BERNAMA 1952/LK